



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (24)

Tarikh : 22 November 2014

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA 2014

PORT DICKSON, 22 NOVEMBER 2014 - Kebersihan tandas yang selalu menjadi aduan orang awam antara punca Kerajaan pusat akan mengambil alih aktiviti pembersihan tandas awam di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengambilalihan ini juga adalah selaras dengan Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan juga selaras dengan Pelan Tindakan Transformasi PBT yang sedang diusahakan oleh Kementerian menurut Datuk Abdul Rahman, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tarikh pengambilalihan akan diperincikan dan dibincangkan dengan pihak berkuasa Negeri dan PBT yang sedia menerima pakai Akta tersebut yang dijangka akan bermula pada 2016.

Setiap tahun Kementerian memperuntukkan sekurang-kurangnya 5 juta untuk menaik taraf atau membina tandas baru di PBT seluruh negara. Pada tahun ini sejumlah RM26.5 juta telah diagihkan kepada PBT bagi memperbaiki dan menaik taraf tandas-tandas awam milik PBT diseluruh Negara di bawah program yang kami panggil ***Program My Beautiful Malaysia (My BM)***.

Namun pada keseluruhannya tandas kita masih kotor, menjijikkan dan banyak yang tidak selamat digunakan. Sinki yang bocor; mangkuk tandas yang pecah; pintu tandas yang tidak boleh dikunci adalah diantara mimpi ngeri tandas di Negara ini. Vandalisme tandas-tandas awam begitu berleluasa di mana tandas-tandas dengan sengaja dikotorkan;

peralatannya dicuri; dinding diconteng dan pintu dipecahkan. **Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan imej dan nama baik Negara di kalangan pelancong asing tetapi ianya tidak baik untuk kesihatan dan kesejahteraan kita sendiri.**

Vandalisme dan penggunaan yang tidak betul ini telah menyebabkan kos penyelenggaraan yang tinggi. **Oleh kerana kos ini begitu tinggi, terdapat PBT yang tidak berupaya untuk membuat penyelenggaraan secara berkala dan tandas-tandas ini menjadi terbiar dan tidak terpelihara. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan di bawah Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan mengambil alih urusan pembersihan. Manakala bagi penyelenggaraan, Kerajaan Persekutuan akan terus menyalurkan peruntukan dan Kementerian berharap agar Kerajaan Negeri turut memperuntukkan kos bagi penyelenggaraan tandas sedia ada.**

Bagi Negeri-Negeri yang belum menerima Akta 675, dinasihatkan untuk memperuntukkan sejumlah bajet bagi tindakan-tindakan menyelenggara dan membaik pulih tandas-tandas awam di kawasan masing-masing. Kementerian juga akan membuat semakan semula bagi TOR projek-projek BP1 untuk memperlihatkan kesungguhan menangani isu kebersihan tandas-tandas awam. Garis panduan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) pembersihan tandas awam akan disemak dan dikemas kini dari masa ke semasa.

YB DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

22 November 2014

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my

MAKLUMAT HARI TANDAS SEDUNIA 2014

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah secara rasmi mengisytiharkan tarikh 19 November sebagai Hari Tandas Sedunia untuk memberi kesedaran tentang betapa pentingnya sanitasi yang baik dan tandas yang bersih dalam memastikan persekitaran yang sihat dan kehidupan yang selesa.

Sejak tahun 2010 Malaysia juga menyambut Hari Tandas pada 19 November tetapi pada tahun ini, Kementerian memilih hari Sabtu, 22 November 2014 untuk mengadakan sambutan di Teluk Kemang, Port Dickson, pantai yang menjadi tumpuan pelancong dengan harapan lebih ramai masyarakat di luar sana menyedari dan bersama-sama dengan Kerajaan dalam usaha menjadikan tandas-tandas di Negara ini bersih, selesa dan selamat digunakan. Usaha ini sangat penting kerana kita mahu digelar Negara maju menjelang tahun 2020 tetapi tandas kita langsung tidak mencerminkan tandas Negara maju.

Walaupun sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan mula disambut di Negara kita pada tahun 2010, tetapi usaha dan penekanan kepada kebersihan tandas telah mula lebih awal lagi. Antara usaha berterusan kerajaan:

- i. Kempen tandas bersih telah dianjurkan sejak tahun 1994 lagi;
- ii. Sejak tahun 2010 telah melaksanakan penarafan bintang (*Star Rating*) bagi tandas-tandas awam di seluruh Negara. Namun, 43.7 peratus masih berada di taraf 2 (dua) dan 1 (satu) bintang dan hanya 4 peratus sahaja tandas awam di negara ini bertaraf 5 bintang.
- iii. Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia sejak tahun 2010.